



## PENENTUAN HUKUM TERHADAP MAKANAN BERASASKAN SIPUT ESCARGOT MENURUT PERSPEKTIF EMPAT MAZHAB

\*Muhammad Hafis Mohd Hussain<sup>1</sup>, Ramlan Mustapha<sup>2</sup>, Mohammad Nasrul Hakim Roslan<sup>3</sup>, Siti Norma Aisyah Malkan<sup>4</sup>, Mohd Shahid Azim Mohd Saufi<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4</sup>Akademik Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang, Kampus Raub, Malaysia

<sup>5</sup>Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia

| Article Info                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | ABSTRAK                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p><b>Article history:</b></p> <p>Received: 15 April 2024<br/>Revised: 30 April 2024<br/>Accepted: 18 May 2024<br/>Published: 1 June 2024</p> <p><b>Keywords:</b></p> <p>Hukum, Siput <i>Escargot</i>, Empat Mazhab, Hanafi, Maliki, Syafie, Hambali</p> <p>OPEN  ACCESS</p> | <p>Siput <i>escargot</i> yang dijadikan masakan dalam pelbagai hidangan oleh kalangan masyarakat Muslim di Perancis menimbulkan tanda tanya dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. Bahkan terdapat sebahagian restoran di Malaysia menyediakan menu hidangan yang berasaskan siput. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan telah menyatakan bahawa hukum makan siput tersebut adalah haram menurut mazhab Syafie dan tidak haram pada pandangan mazhab lain. Ini menunjuk bahawa wujudnya perbezaan pandangan dalam kalangan empat mazhab. Justeru, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk melihat metodologi pendalilan dan penghujahan yang disandarkan oleh empat-empat mazhab terhadap hukum memakan siput <i>escargot</i>. Lantas, kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada ahli ilmuwan dalam mendalami metodologi perbahasan hukum fiqh empat mazhab. Kaedah kajian ini adalah kualitatif berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati bahawa siput <i>escargot</i> adalah haram dimakan menurut <i>jumhur fuqahā'</i> iaitu mazhab Hanafi, Syafie dan Hambali. Manakala di sisi mazhab Maliki adalah halal dimakan.</p> |
| <p><b>Keyword:</b></p> <p>Law, Escargot Snail, The Four Sects, Hanafi, Maliki, Syafie, Hambali</p>                                                                                                                                                                                                                                                              | <p><b>ABSTRACT</b></p> <p>The Muslim community in France uses escargot snails in various dishes, a practice that raises concerns among the Muslim community in Malaysia. There are even some restaurants in Malaysia that offer a menu of dishes based on snails. The Federal Territories Mufti Department has stated that the law on eating snails is haram according to the Syafie sect and not haram in the view of other sects. This shows that there is a difference of opinion among the four sects. Thus, this article aims to look at the methodology of arguments based on the four sects against the law of eating escargot snails. Scholars can use this study as a reference to delve deeper into the fiqh legal debate among the four schools. This research method is qualitative in descriptive form and uses the content analysis method. The results of this study found that escargot snails are illegal</p>                                                                                                                                                                                                                                                      |

|  |                                                                                                                                               |
|--|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | to eat according to <i>jumhur fuqaha</i> ’, namely the Hanafi, Shafie, and Hambali sects. On the other hand, the Maliki sect is halal to eat. |
|--|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

---

#### Corresponding Author:

\*Muhammad Hafis Mohd Hussain

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kampus, Raub, Malaysia.

Email: hafishussain@uitm.edu.my

---



## PENGENALAN

Siput dalam bahasa saintifiknya dikenali sebagai moluska yang merupakan binatang yang tidak bertulang. Siput dikategorikan sebagai binatang *gastropoda* iaitu sejenis binatang mempunyai kulit cangkerang yang keras. Kehidupan siput tidak semuanya berada di daratan bahkan ada yang hidup di laut, sungai atau hidup dua alam iaitu hidup di air dan darat (Al-Bakri, 2017).

Siput *escargot* merupakan spesies siput yang hidup di darat dan merupakan spesies binatang yang mudah membiak. Ia juga mudah didapati di mana-mana kawasan yang lembap dan berair. Siput ini popular dijadikan hidangan masakan Perancis dan dianggap sebagai hidangan istimewa untuk majlis-majlis tertentu. Penduduk Muslim di Perancis menjadi siput *escargot* sebagai hidangan pembuka selara ringan sebelum menjamah makanan hidangan berat (McNamee, 2022). Di Malaysia timbul persoalan dalam kalangan masyarakat, adakah halal dimakan siput *escargot* atau tidak apabila terlihat di media sosial sepasang selebriti tempatan menikmati hidangan siput *escargot* sempena ulang tahun perkahwinan mereka di sebuah restoran steak terkenal di Kuala Lumpur (Rosmah Idayu, 2023). Selain itu, kelihatan satu rakaman video di media sosial dari seorang cef Muslim menayangkan hidangan masakan siput *escargot* dengan cara masakan Perancis juga menjadi pertanyaaan dalam kalangan Muslim di Malaysia (Anon, 2023).

Dari sudut perspektif Islam, para ulama tidak terlepas pandang terhadap perletakkan hukum siput ini, sama ada boleh dimakan ataupun tidak. Para *fuqaha*’ tidak menemukan titik noktah persamaan dalam meletakkan hukum memakan siput ini, dek kerana tidak ada nas yang jelas atau naş yang *qaḥiyy* dari sumber *al-Qur’ān* dan *al-Sunnah*. Perbezaan hukum tersebut berlaku atas dasar *ijtihād* mereka dari naş-naş yang *zonniyy* yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Mereka para *fuqaha*’ yang dimaksudkan adalah ulama empat mazhab iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hambali. Melalui artikel ini akan diperlihatkan bagaimana penghujahan yang dikeluarkan daripada setiap mazhab dalam menentukan hukum memakan siput ini.

## METODOLOGI

Metodologi yang digunakan untuk mencapai tujuan kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif. Pendekatan kajian ini adalah melalui analisis kandungan daripada kitab-kitab fiqh muktabar ke empat-empat mazhab. Antaranya, kitab muktabar mazhab Imam Abu Hanifah; *Radd al-Muhtar ‘ala al-Dar al-Mukhtar dan Bada’i al-Sana’i*; kitab muktabar mazhab Imam Malik; *Mukhtsar al-Khalil*, kitab muktabar mazhab Imam Syafie; *Minhaj al-Talibin, Nihayah al-Muhtaj dan Tuhfah al-Muhtaj*, kitab muktabar mazhab Imam Hambal; *al-Insaf dan Kashaf al-Qina*. Selain itu, kitab Imam al-Nawawi iaitu *al-Majmu Sharh al-Muhazhab* juga menjadi rujukan utama dalam kajian ini kerana pengarang banyak mendatang perbandingan dengan mazhab lain selain daripada mazhab Syafie.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Kategori Siput

Dalam penetapan hukum dalam kajian ini, haiwan dikategorikan kepada tiga spesies (Al-Nawawiyy, 1925):

- a) *al-Hasharāt*; iaitu serangga. Kategori ini termasuk siput yang hidup di daratan sahaja.
- b) *al-Hayawān al-Mā'iy*; iaitu haiwan yang hidup dalam air sahaja. Kategori ini termasuk siput yang tinggal dalam air.
- c) *al-Hayawān al-Barmā'iy*; iaitu haiwan yang hidup dua alam. kategori ini termasuk siput yang hidup dalam air dan di darat.

Berdasarkan kategori tersebut, boleh dikatakan bahawa siput *escargot* berada pada kategori pertama iaitu *al-hasharat* bertepatan dengan cirinya yang hanya hidup di daratan sahaja. *al-Hasharat* juga dikenali sebagai nama *khashāsh al-Ard* iaitu serangga.

### Definisi *al-Hasharāt* Atau *Khashāsh al-Ard*

*al-Hasharat* atau *khashash al-ard* adalah sejenis binatang kecil yang melata di bumi seperti biawak pasir, belalang, ular, kala-jengking, kumbang, lalat dan lain-lain (Ibn Manzūr, 1992). Termasuklah dalam definisi ini adalah siput yang hidup di darat sahaja, menurut *Khalīl Ibn Ishāk al-Jundi* dalam kitabnya *al-Tauḍīḥ*, antara siput yang hidup di daratan sahaja ialah siput babi. Perkataan *khashāsh al-Ard* disebut di dalam sebuah hadis:

عَذِّبَتْ امْرَأَةٌ فِي هِرَّةٍ رَبَطْتَهَا، لَمْ تَطْعَمْهَا وَلَمْ تَسْقِهَا، وَلَمْ تَتْرَكْهَا، تَأْكُلُ مِنْ خَشَاشِ الْأَرْضِ

Maksudnya:

Seorang wanita disiksa kerana mengurung seekor kucing, dia tidak memberi makan, minum dan tidak melepaskannya, sehingga kucing tersebut makan serangga. (Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitab *al-Salām*, Bab *Tahrīm qatl al-ḥirrah*, Hadith 2243, Daripada Abu al-Hurairah)

### Hukum Makan *al-Hasharat* Menurut Empat Mazhab

Para *fuqahā'* berbeza pendapat dalam menghukumkannya, ia terpecah pada dua pandangan :

- a) **Pandangan pertama:** Di sisi mazhab Maliki boleh dimakan (Al-Dasūqiyy, 1807). Maka siput *escargot* di sisi mazhab Maliki halal dimakan.
- b) **Pandangan kedua:** Di sisi mazhab jumhur *fuqahā'* iaitu mazhab Hanafi (Nujaim, 1889), mazhab Syafie (Shihāb, 2003), dan mazhab Hambali (Al-Raḥībāniyy, n.d.) adalah haram dimakan. Maka di sisi jumhur *fuqaha'* siput *escargot* adalah haram dimakan.

### Dalil Dan Hujah Bagi Setiap Pandangan

**Pandangan pertama :** Pandangan ini menghukumkan halal makan *al-hasharat* termasuk juga siput *escargot* dalam perbincangan ini berdasarkan dalil-dalil berikut:

- a) **Dalil dari al-Quran**

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ

خَنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya :

Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor atau sesuatu yang dilakukan secara fasiq, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah". Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (al-Quran, al-An'ām 6:145).

- **Wajah al-'istidlāl iaitu penghujahan**

Bahawasanya Allah s.w.t hanya mengharamkan empat jenis binatang sahaja di dalam ayatNya. Maka selain dari yang telah dinyatakan dalam ayat, iaitu jenis binatang yang tidak dinyatakan dalam ayat tersebut adalah halal dimakan. Oleh itu, *al-hasharat* adalah termasuk haiwan yang boleh dimakan kerana pengharaman hanyalah pada empat jenis haiwan sahaja (Al-Arabiyy, 1992).

Pendapat Imam Malik dicatatkan dalam kitab *al-Mudawwanah*:

"Imam Malik apabila ditanya tentang haiwan yang ada di Maghrib yang dikenali sebagai siput, yang hidup di darat, menempel di pohon. Apakah ia boleh dimakan? Beliau menjawab: saya berpendapat siput itu seperti belalang. Jika diambilnya dalam keadaan hidup lalu dididihkan atau dipanggang, maka saya berpendapat tidak mengapa untuk dimakan. Namun jika diperoleh dalam keadaan mati maka tidak dimakan" (Malik ibn Anas, 2014).

- **Perbincangan al-'istidlāl**

Ayat di atas yang dijadikan hujah dengan membolehkan haiwan *al-hasharat* halal dimakan atas dasar ayat tersebut menunjukkan (الحصر) iaitu dalam lingkungan yang disebut sahaja. Kenyataan tersebut dibangkang oleh sebahagian ulama. Mereka mengatakan ayat tersebut sesungguhnya menunjukkan atas dasar (ذكر المحرمات) iaitu pengharaman yang telah dinyatakan oleh Allah pada ayat tersebut, tidak menafikan pengharaman haiwan yang lain dengan dalil yang lain (Al-Nawawiyy, 1925).

**b) Dalil dari hadis**

حَدَّثَنِي مَلْقَامُ بْنُ التَّلْبِ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: «صَحِبْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ أَسْمَعْ لِحَشْرَةِ الْأَرْضِ تَحْرِمًا

Maksudnya:

Aku bersahabat dengan Nabi s.a.w maka aku tidak pernah mendengar tentang pengharaman serangga. (Abu Dawud, Sunan Abi Daud, Kitab *al-Aṭ'imah*, Bab *Fi Akl Hasharāt al-Ard*, Hadith 3798, Daripada Talib)

- **Wajah al-'istidlāl iaitu penghujahan**

Sahabat Nabi s.a.w iaitu Talib r.a mendampingi Rasulullah s.a.w dalam beberapa tempoh waktu, dan dia tidak mendengar dari Rasulullah s.a.w tentang pengharaman *al-hasharat*. Maka ini menunjukkan bahawa *al-hasharat* adalah halal dimakan (Al-Qurtubiyy, 2006).

- **Perbincangan al-‘istidlāl**

Penafian Talib r.a terhadap hal tersebut, tidak semestinya menunjukkan bahawa tidak wujud dalil pengharaman terhadap *al-hasharat*. Ini kerana, boleh berlaku dalil pengharaman tersebut didengari oleh sahabat yang lain. Oleh itu, penafian Talib r.a tidak boleh menjadi hujah untuk menghalalkan *al-hasharat* iaitu serangga untuk dimakan (Ibn Taimiyyah, 1994).

**Pandangan kedua:** *Jumhūr fuqahā’* mengharamkan makan *al-ḥasharāt* iaitu serangga termasuk di sini siput *escargot* berdasarkan dalil-dalil berikut :

- a) **Dalil dari al-Quran**

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ

Maksudnya :

*Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk. (al-Quran, al-‘Araf 7:157)*

- **Wajah al-‘istidlāl iaitu penghujahan**

Sesungguhnya Allah s.w.t mengharamkan kepada hambanya memakan sesuatu yang buruk. Maka *al-ḥashārāt* termasuk dalam kategori yang buruk dan haram dimakan (Al-Nawawiyy, 1925).

- b) **Dalil dari Hadis Pertama**

خَمْسٌ فَوَاسِقُ، يُقْتَلْنَ فِي الْحِلِّ وَالْحَرَمِ: الْفَأْرَةُ، وَالْعُقْرَبُ، وَالْخَذْيَاءُ، وَالْعُرَابُ، وَالْكَلْبُ الْعُقُورُ

Maksudnya :

*Lima haiwan fawāsiq dibunuh di tanah halal dan haram : tikus, kala-jengking , burung helang, burung gagak dan anjing gila (al-Bukhārīyy, Ṣaḥīḥ al-Bukhārīyy, Kitab Bid’ al-Khalq, Bab Khams Min al-Dawāb Fawāsiq Yaqtuln Fi al-Ḥaram, Hadith 3314, Daripada ‘A’ishah r.a).*

- **Wajah al-‘istidlāl iaitu penghujahan**

Rasulullah s.a.w memerintahkan membunuh lima haiwan *fawāsiq* di tanah halal dan tanah haram, dan sebahagian daripada haiwan *fawāsiq* yang disebut dalam hadis adalah *al-ḥasharāt* iaitu serangga. Maka ini menunjukkan memakan *al-ḥasharāt* adalah haram. Ini kerana, jika haiwan yang boleh dimakan, maka tidak harus dibunuh, bahkan diburu dan dimakan tetapi yang terdapat dalam hadis adalah sebaliknya (Al-Nawawiyy, 1925).

c) Dalil dari Hadis Kedua

أن النبي صلى الله عليه وسلم أمرها بقتل الأوزاع

Maksudnya :

Sesungguhnya Nabi s.a.w memerintahnya (Umm Sharīk) untuk membunuh cicak. (al-Bukhāriyy, Ṣaḥīḥ al-Bukhāriyy, Kitāb Bid' al-Khalq, Bab Khair Mal al-Muslim Ghanam Yattabi<sup>c</sup> Biha Shaghf al-Rijāl, Hadith 3307, Daripada Umm Sharīk).

d) Dalil dari Hadis Ketiga

أن النبي صلى الله عليه وسلم أمر بقتل الوزغ وسماء فويسقا

Maksudnya :

Sesungguhnya nabi s.a.w memerintah bunuh cicak dan baginda menamakannya fuwaisiq (Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Salām, Bab Istihbāb Qatl al-Wazgh, Ḥadith 2238, Daripada Abi Amir).

- **Wajah al-'istidlāl iaitu penghujahan daripada hadis pertama, kedua dan ketiga**

Rasulullah memerintahkan membunuh cicak dan menamakannya dengan *fāsiq* disebabkan ia daripada *al-ḥasharāt* iaitu jenis serangga, maka *al-ḥasharāt* haram dimakan. Cicak daripada jenis *al-ḥasharāt* maka semua *al-ḥasharāt* haram dimakan (Al-Nawawīyy, 1925).

e) Dalil dari Hadis Keempat

قال النبي صلى الله عليه وسلم: إذا وقع الذباب في شراب أحدكم فليغمسه ثم لينزعه، فإن في إحدى جناحيه داء وفي الآخر شفاء

Maksudnya :

Apabila seekor lalat jatuh dalam minuman antara kamu, maka tenggelamkanlah ia kemudian buanglah ia, sesungguhnya salah satu sayapnya racun dan sebelahnyanya pula penawar (al-Bukhāriyy, Ṣaḥīḥ al-Bukhāriyy, Kitāb Bid' al-Khalq, Bab Idhā Waqa'a al-Dhubāb Fi Sharāb Aḥadikum Fayaghmishu, Hadith 3320, Daripada Abu Hurairah).

- **Wajah al-'istidlāl iaitu penghujahan daripada hadis keempat**

Nabi s.a.w memerintahkan lalat dibuang keluar dari minuman selepas tenggelamkannya. Oleh hal yang demikian menunjukkan bahawa memakan lalat yang termasuk dalam kategori *al-ḥasharāt* adalah haram. Jika sekiranya memakan lalat itu halal, mengapakah Rasulullah s.a.w memerintahkan supaya lalat tersebut dibuang keluar dari minuman? Ini menunjukkan lalat merupakan *al-ḥasharāt* iaitu sejenis serangga, maka setiap *al-ḥasharāt* iaitu serangga adalah haram dimakan (Al-Fatūḥiyy, 1996).

Ulama-ulama yang menjadi sandaran utama dalam mazhab *jumhur*; Imam al-Sarakhsiyy (2007) dan Imam al-Kasa'iyy (1986) daripada mazhab Hanafi; Imam al-Shiraziyy (1992) dan Imam al-Nawawī (1925) daripada ulama bermazhab Syafie; Imam Ibn Qudamah (1993) dan al-Hijawīyy (1998)

daripada ulama mazhab Hambali, Kesemua mereka bersepakat bahawa *al-ḥasharāt* adalah haram untuk dimakan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang lalu, jelas menunjukkan bahawa siput *escargot* tergolong dalam spesies *al-ḥasharāt* iaitu serangga. Siput *escargot* telah dihukumkan haram dimakan menurut pendapat *jumhur fuqahā'*; mazhab Hanafi, Syafie dan Hambali. Manakala pandangan di sisi mazhab Maliki, siput *escargot* adalah halal dimakan. Terdapat sebahagian ahli ilmuwan melihat pandangan di sisi *jumhur fuqahā'* adalah lebih tepat berbanding pandangan di sisi mazhab imam Malik atas dua signifikan. Pertama, dalil pengharaman binatang sejenis serangga lebih jelas berbanding dalil penghalalannya. Kedua, kenyataan (ويحرم عليهم الخبائث) ayat ini menunjukkan pengharaman Allah terhadap sesuatu yang buruk. Manakala serangga diklasifikasikan daripada yang buruk. Maka natijahnya, semua serangga adalah haram dimakan (Khuwairi, 1998).

Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan adalah bertepatan dengan realiti dan keadaan umat Islam di Malaysia iaitu keseluruhan umat Islam di Malaysia berpegang pada mazhab Syafie. Mazhab Syafie telah menghukumkan haram terhadap pemakanan siput *escargot* berdasarkan dalil-dalil dan hujah yang telah dibincangkan. Manakala berbeza pula realiti dan keadaan umat Islam yang berada di Perancis, mereka berpegang dengan mazhab Maliki iaitu halal memakan siput *escargot*. Maka tidak hairanlah, antara makanan tradisi mereka adalah makanan yang berasaskan siput *escargot* bahkan siput *escargot* ini menjadi hidangan popular dan pelbagai di negara mereka.

## RUJUKAN

- Abu Ishaq al- Shiraziyy. (1992). *al-Muhazhhab* (M. Al-Zuhaili (ed.); 1st ed.). Dār al-Qalam.
- Al-Arabiyy, A. B. I. (1992). *Kitab al-Qabs Fi Sharḥ Muṭṭa' Mālik Ibn Anās*. Dār al-Gharb al-Islāmiyy.
- Al-Bakri, Z. bin M. (2017). *Irshād al-Fatwā*. <http://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/910-irsyad-al-fatwa-siri-ke-188-hukum-penggunaan-siput-babi-dalam-penghasilan-produk-kosmetik?highlight=WyJzaXB1dCJd>
- Al-Dasūqiyy, M. °Irfah. (1807). *Ḥāshiyah al-Dasūqiyy °Ala al-Sharḥ al-Kabīr*. Dār Iḥyā' al-Kutub al-°Arabiyyah.
- Al-Fatūḥiyy, M. I. A. I. A. al-°Azīz. (1996). *Ma°ūnah Uli al-Nuhā Sharḥ al-Muntahā* (M. I. M. I. Sa°īd (ed.)). Ma°ūd Ibn Muahammad Ibn sa°īd.
- Al-Hijawiyy, M. (1998). *al-Iqna°* (A. al-Turkiyy (ed.); 1st ed.). Dar Hajar.
- Al-Kāsāniyy, A. B. I. M. (1986). *Badāi° al-°Ṣanā'° Fi Tartīb al-Sharā'°*. Dār al-Kutub al-°ilmiyyah.
- Al-Nawawiyy, A. Z. Y. ibn al-Ḥizāmī. (1925). *al-Majmū° Sharḥ Muḥadhab* (Al-Muṭī°iyy (ed.)). Maktabah al-Irshād.
- Al-Qurtubiyy, M. I. A. (2006). *al-Jāmi° Li Ahkām al-Qur'ān* (A. I. A. Ḥasan al-Turkiyy (ed.)). Mu'asasah al-Risālah.
- Al-Raḥībāniyy, M. al-S. (n.d.). *Maṭālib Ūli al-Nuhā Fi Sharḥ Ghāyat al-Muntahā*. al-Maktab al-Islāmiyy.
- Al-sarakhsiyy, M. (2007). *al-Mabsut*. Dār al-Ma°ārif.

- Anon. (2023). Halal ke haram? Kecoh cef berserban masak siput babi, 2 ekor dibiarkan melekat di pipi... dah siap nampak enak makan dengan roti. *MSTAR*.
- Ibn Manẓūr, M. ibn M. (1992). *Lisān al-ʿArab*. Dār Ṣādir.
- Ibn Qudāmah, ʿAbdullāh Ibn Muḥammad. (1993). *al-Mughnī* (A. Al-Turkiyy (ed.); 2nd ed.). Dar Hajar.
- Ibn Taimiyyah, A. ibn ʿAbd Ḥalīm. (1994). *Majmūʿ fatāwā*. Majmaʿ al-Malik Fahd li at-Ṭibāʿah al-Muṣḥaf a-Asharīf.
- Khuwairi. (1998). *al-Intifāʿ Bi al-Hayawān*. Universiti Malik Saʿūd.
- Malik ibn Anas. (2014). *al-Mudawwanah*. Wazarah al-Awqaf al-saʿudiyyah.
- McNamee, G. L. (2022). Escargot. In *Britannica*. <https://www.britannica.com/animal/escargot>
- Nujaim, Z. al-D. I. (1889). *al-Baḥr al-Rāʾiq Sharḥ Kanz al-Daqāiq*. Dār Iḥyāʾ al-Kutub al-ʿArabiyyah.
- Rosmah Idayu. (2023, November 7). Siput Escargot? Halal ke dimakan? Ini penjelasan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. *Mingguan Wanita*.
- Shihāb, I. (2003). *Nihāyah al-Muḥtāj Ila Sharḥ al-Minhāj*. Dār al-Kutub al-ʿilmiyyah.